



**SHARE THE JOY 2025: HWC COFFEE & IR MALAYSIA SANTUNI WARGA  
EMAS SEMPENA TAHUN BARU CINA**

**PETALING JAYA, 12 Februari 2025** – Dengan semangat kemanusiaan dan perpaduan yang tinggi, HWC COFFEE bekerjasama dengan Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) bagi menjayakan program *Share The Joy 2025* yang diadakan di rumah Persatuan Kebajikan Orang-Orang Tua Bahagia Selangor (En Yuan Old Folk Home).

Program itu bertujuan untuk membawa kegembiraan dan keceriaan kepada 30 penghuni warga emas di pusat jagaan tersebut bersempena sambutan Tahun Baru Cina.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk seni kaligrafi, pembersihan kuku, pembuatan ang pow, *fun games*, serta persembahan tarian singa yang memukau.

Kemuncak program menyaksikan penyerahan ang pow dan barangan keperluan asas sebagai tanda penghargaan dan kasih sayang.

Ketua Pegawai Eksekutif HWC COFFEE, Zenda Ng berkata, program ini merupakan sebahagian daripada usaha syarikat untuk memberi kembali kepada masyarakat.

“Kami percaya bahawa setiap individu, tanpa mengira latar belakang, berhak untuk merasakan kemeriahan perayaan.

“Hari ini, saya dapat lihat sendiri penghuni rumah ini gembira meraikan sambutan Tahun Baru Cina bersama-sama. Saat menerima ang pow, mereka tersenyum seperti mendapat restu dan sokongan, mengingatkan mereka bahawa mereka masih dihargai.”

“Program hari ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan inspirasi kepada lebih banyak pihak untuk turut serta dalam kerja-kerja kebajikan.”

Tambah Zenda, program tersebut merupakan sebahagian daripada usaha kemanusiaan HWC COFFEE bersama IR Malaysia di bawah Projek *Cup of Hope* yang telah dilancarkan pada 1 November tahun lalu.

Sementara itu, Pengurus Kanan Bahagian Program IR Malaysia, Nurbazilah Sulaiman menekankan kepentingan menjaga kebajikan semua lapisan masyarakat.

“Sebagai sebuah organisasi kemanusiaan, misi bantuan kami meluas, tidak mengira bangsa dan agama.

“Program *Share The Joy 2025* bukan sekadar bantuan, tetapi juga peluang untuk mendekati masyarakat, berkongsi kegembiraan, dan memastikan mereka tidak berasa keseorangan, terutama dalam suasana perayaan.”

Ikon Kemanusiaan IR Malaysia, Irma Hasmie yang turut serta dalam program itu berkongsi pengalamannya, “Melihat senyuman di wajah mereka hari ini benar-benar menyentuh hati saya.”

“Kadangkala, perkara kecil seperti meluangkan masa bersama boleh memberi impak besar dalam hidup seseorang dan saya berasa sangat bahagia bila dapat menggembirakan orang lain.”

Pengasas En Yuan Old Folks Home, Stanley Yap turut menyatakan penghargaan atas inisiatif ini.

“Program hari ini sangat best! Ia bukan sahaja menggembirakan penghuni kami tetapi juga dapat mengingatkan mereka bahawa masih ada masyarakat yang prihatin terhadap kesejahteraan mereka.

“Terima kasih kepada HWC COFFEE dan Islamic Relief Malaysia atas usaha serta sumbangan ini,” katanya.

Salah seorang penghuni pusat jagaan tersebut meluahkan, “Hari ini terasa sangat istimewa. Sudah lama saya tidak menyambut Tahun Baru Cina dengan suasana semeriah ini. Terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa bersama kami.”

Turut hadir dalam program tersebut ialah Ketua Pegawai Pemasaran HWC COFFEE, Edmund Lai, Pengurus Kanan Bahagian *Partner & Donor Care* IR Malaysia, Sharmiza Husin, serta Ikon Kemanusiaan IR Malaysia, Chef Imelda Harris dan Ahmad Zuhaidi Abdul Aziz (Saujana).

Dengan kejayaan penganjuran *Share The Joy 2025*, HWC COFFEE dan IR Malaysia berharap agar lebih banyak pihak dapat menyertai inisiatif seperti ini di masa hadapan, bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir dalam meraikan kegembiraan perayaan.

Selain *Share The Joy*, program lain yang bakal dilaksanakan bersama pada tahun ini ialah *Shopping Raya*, projek istimewa *Gift of Hope* dan *Cheer To School*.

- TAMAT -

---

## **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta

orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan pembangunan terbesar di dunia.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penajaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

### **Mengenai HWC COFFEE**

HWC COFFEE, rangkaian kopi istimewa pertama di Malaysia, telah berkembang dengan pesat dengan hampir 70 cawangan di seluruh negara dalam hanya dua setengah tahun. HWC COFFEE menawarkan pengalaman kopi yang luar biasa dengan siri biji kopi istimewa Classic No. 9, yang telah memperoleh penilaian 91 dan 92 mata dari Coffee Review.

Untuk maklumat lanjut, lawati [www.hwccoffee.my](http://www.hwccoffee.my) atau kunjungi kedai HWC COFFEE berdekatan.

---

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.  
Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)*